

Memorandum

No. Ruj. : USMJPBPSM (aspiran) 9/3 JLD.III
Tarikh : 12 September 2023
Kepada : Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Penyelaras
Pusat Pengajian/Pusat/Institut/Jabatan/Unit
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/Kampus Kesihatan

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 51 TAHUN 2023

- PROSES PENGESAHAN DATA HASIL KERJA AKADEMIK OLEH JAWATANKUASA PENGESAHAN DATA (JKPD) PTJ BAGI TAHUN 2023

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, proses pengesahan data hasil kerja akademik oleh JKPD PTJ bagi tahun 2023 akan diadakan mulai **19 September hingga 20 Oktober 2023**. Proses pengesahan data dalam tempoh tersebut adalah merangkumi data PTJ dan data PTJ Bukan Nyah Pusat yang berada di bawah PTJ induk masing-masing seperti dalam senarai di **LAMPIRAN A**.

3. Dalam hal ini, kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk memaklumkan semua staf akademik di PTJ Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan agar menyelesaikan pengemaskinian data hasil kerja akademik masing-masing di HCMSv3, terutamanya bagi komponen yang merupakan kriteria dalam kenaikan pangkat selewatnya pada 5 Oktober 2023. Di samping itu, semua staf akademik perlu membuat semakan dari masa ke semasa sepanjang tempoh pengesahan data berkenaan bagi memastikan data mereka yang dikembalikan oleh JKPD PTJ disemak, dikemaskini dan dihantar kembali kepada JKPD PTJ dengan kadar segera.

4. Panel JKPD PTJ disarankan untuk mengadakan sesi pengesahan data ini sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam tempoh yang ditetapkan di atas. Ini bagi memberi ruang dan masa kepada mana-mana staf akademik untuk mengemaskini hasil kerja akademik mereka yang dikembalikan berdasarkan komen/saranan semakan kali pertama panel JKPD, agar data terlibat yang akan/telah dikemaskini/dikembalikan dapat disemak semula kali keduanya oleh panel JKPD untuk pertimbangan/pengesahan muktamad.

5. Pihak Universiti berharap panel JKPD PTJ-PTJ akan dapat meneruskan proses/tugas pengesahan data ini dengan penuh berintegriti dan berkredibiliti. Kerjasama setiap panel JKPD PTJ adalah amat diharapkan bagi memastikan proses pengesahan data tahun 2023 dapat berjalan dengan lancar.

6. Sekian, untuk makluman/perhatian/tindakan pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan selanjutnya.

Terima kasih.

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 51 TAHUN 2023

- **PROSES PENGESAHAN DATA HASIL KERJA AKADEMIK OLEH JAWATANKUASA
PENGESAHAN DATA (JKPD) PTJ BAGI TAHUN 2023**
-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pendaftar

Penyelaras, Kemajuan Kerjaya Staf Akademik USM

SENARAI PTJ BUKAN NYAH PUSAT DAN PTJ INDUK

BIL	NAMA PTJ NYAH PUSAT	KELOMPOK	NAMA PTJ INDUK
1.	INSTITUT PENYELIDIKAN & TEKNOLOGI NANO (INOR)	SAINS TULEN	PP SAINS FIZIK
2.	PUSAT BIOLOGI KIMIA (CCB)	SAINS TULEN	PP SAINS KAJIHAYAT
3.	PUSAT KAJIAN SAMUDERA & PANTAI (CEMACS)	SAINS TULEN	
4.	PUSAT IPV6 TERMAJU NEGARA (NAV6)	SAINS GUNAAN	PP SAINS KOMPUTER
5.	PUSAT PENYELIDIKAN BIOKIMIA ANALISIS (ABRC)	SAINS KESIHATAN (BK)*	PP SAINS FARMASI
6.	PUSAT PENYELIDIKAN DADAH & UBAT-UBATAN	SAINS KESIHATAN (BK)*	
7.	PUSAT RACUN NEGARA	SAINS KESIHATAN (BK)*	
8.	PUSAT KAJIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM (ISDEV)	SASTERA	PP SAINS KEMASYARAKATAN
9.	PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL	SASTERA	
10.	PUSAT PENYELIDIKAN DASAR	SASTERA	
11.	PUSAT KAJIAN KELESTARIAN GLOBAL (CGSS)	SASTERA	PP ILMU KEMANUSIAAN
12.	INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (IPPTN)	SASTERA	PP ILMU PENDIDIKAN
13.	PUSAT PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN SUNGAI & SALIRAN BANDAR (REDAC)	KEJURUTERAAN	PP KEJURUTERAAN AWAM
14.	PUSAT USAHASAMA KECEMERLANGAN REKABENTUK MIKROELEKTRONIK (CEDEC)	KEJURUTERAAN	PP KEJ. ELEKTRIK & ELEKTRONIK

Nota : INFORMM dan PTPM akan membentuk JKPD dan JKPTJSM masing-masing bagi menguruskan proses pengesahan data dan proses perakuan/syor.

*BK - Bukan Klinikal